

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**EKSPERIMENTASI TEKNIK EFEK DENGAN CETAKAN PADA
FABRIK DALAM PENGHASILAN PRODUK TEKSTIL**

Clarice Lakuwai

51542

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Keujian

(Teknologi Seni Reka)

2018

**EKSPERIMENTASI TEKNIK EFEK DENGAN CETAKAN PADA FABRIK DALAM
PENGHASILAN PRODUK TEKSTIL**

CLARICE LAKUWAI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Keahlian

Teknologi Seni Reka (Fesyen dan Tekstil)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: EKSPERIMENTASI TEKNIK EFEK DENGAN CETAKAN PADA FABRIK
DALAM PENGHASILAN PRODUK TEKSTIL

SESI PENGAJIAN : 2015/2016

Saya : CLARICE LAKUWAI

Mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. *sila tandakan(/)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


TIDAK TERHAD



Tandatangan Penulis
Tarikh : 11/06/2018

Alamat tetap :
Kampung Dungkahang,
89500 Penampang, Sabah.

Disahkan oleh:



Asrul Asshadi Mohamad Morni
Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
Tarikh : 11/06/2018

Catatan: *Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Batik mempunyai tempat yang istimewa dalam dunia tekstil. Hal ini kerana, penggunaan batik bukan saja tertumpu pada pakaian tetapi juga dalam bentuk kraf seperti beg, bungkusan cenderahati, kasut dan pelbagai aksesori hiasan. Batik merupakan salah satu seni gambar di atas kain untuk pakaian dan sarung yang dibuat dengan teknik menentang menggunakan bahan lilin.

Indonesia merupakan negara yang memperkenalkan kain batik semasa zaman kerajaan Majapahit. Pada mulanya, batik hanya dikhususkan untuk kalangan *Keraton* iaitu raja dan keluarga serta para pengikutnya. Disebabkan para pengikut raja juga mengenakan pakaian batik maka perkembangan industri batik meningkat sehingga pada hari ini.

Walau bagaimanapun, penggunaan lilin parafin sebagai teknik resis pada batik boleh memudaratkan kesihatan masyarakat. Malah, kos pembelian lilin sangat tinggi kerana bahan ini hanya boleh didapati di luar negara seperti Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, untuk mengurangkan masalah yang timbul maka penggunaan bahan semula jadi yang berasid dan neutral boleh menjadi salah satu pilihan gantian bagi teknik resis atau efek pada batik. Selain itu, penggunaan bahan semula jadi ini dapat menghasilkan efek yang luar biasa seperti batu karang dengan menaburkan bahan tersebut ke atas permukaan fabrik yang telah diwarnakan.

Oleh itu, atas minat untuk mendalami pengetahuan mengenai teknik resis atau efek dan cetakan, ia telah menggerakkan pengkaji untuk membuat kajian mengenai gabungan dua proses menjadi satu dalam menghasilkan produk tekstil. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pelbagai jenis bahan semula jadi yang berasid dan neutral seperti limau dan

garam. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan pelbagai jenis fabrik yang bersesuaian seperti *cotton*, *linen*, *jacquard silk*, *visoce* dan sutera dalam proses penghasilan efek pada eksperimen ini. Selain itu, pengkaji turut menggabungkan teknik cetakan pada kain yang telah siap dengan menggunakan corak *nature* yang bersesuaian.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Melalui pemerhatian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati beberapa permasalahan kajian:

- i) Teknik resis yang digunakan dalam penghasilan batik iaitu campuran lilin dan rosin atau dikenali sebagai lilin parafin boleh memudaratkan kesihatan serta kos yang tinggi.
- ii) Teknik gabungan efek dengan cetakan pada fabrik kurang diketengahkan di pasaran tempatan.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji adalah;

- i. Adakah bahan semula jadi yang berasid dan neutral boleh menghasilkan efek dalam proses penggunaan pewarna remasol pada fabrik?
- ii. Adakah teknik efek yang terhasil sesuai dijadikan teknik resis dalam industri tekstil?
- iii. Adakah kombinasi teknik resis atau efek dengan cetakan bersesuaian dalam industri tekstil?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat empat objektif kajian untuk melengkapkan kajian ini, iaitu ;

- i) Mengenalpasti jenis bahan semula jadi yang berasid dan neutral untuk menghasilkan efek.
- ii) Mengkaji teknik-teknik yang digunakan dalam proses penghasilan efek.
- iii) Untuk menghasilkan koleksi fesyen atau produk tekstil yang dihasilkan daripada gabungan teknik efek dengan cetakan.
- iv) Untuk membuat validasi terhadap penerimaan sasaran pengguna pada produk yang dihasilkan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada pengkaji sendiri kerana pengkaji ingin mendalami ilmu pengetahuan mengenai teknik efek menggunakan bahan semula jadi dalam penggunaan pewarna remasol dan cetakan dalam menghasilkan produk tekstil. Di samping itu, eksperimen merupakan salah satu bahagian penting dalam kajian ini kerana proses ini akan melibatkan penggunaan pelbagai jenis fabrik yang sesuai dan bahan semula jadi yang berasid dan neutral dalam penghasilan produk tekstil. Seterusnya, kajian ini juga penting bagi pengkaji sebagai pengetahuan tentang teknik resis menggunakan bahan semula jadi yang berasid dan neutral dalam proses penghasilan efek pada batik serta kesesuaian gabungan dengan teknik cetakan.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di sekitar Kuching untuk mendapatkan bahan kajian seperti bahan resis dan pelbagai jenis fabrik. Selain itu, skop kajian juga dijalankan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) khususnya di bengkel tekstil, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif untuk menjalankan eksperimentasi terhadap penghasilan teknik efek atau resis juga terdapat bekalan bahan pewarna sintetik.

Melalui kajian ini, pengkaji akan mengkaji secara terperinci mengenai pelbagai jenis bahan semula jadi yang sesuai dalam membuat efek pada fabrik. Selain itu, pengkaji turut mengkaji jenis fabrik yang sesuai dalam penghasilan teknik efek.

1.6 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini tertumpu pada teknik efek atau resis yang dihasilkan di atas pelbagai jenis fabrik.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan pelbagai jenis bahan masakan seperti limau, dan garam dalam menghasilkan efek pada fabrik. Malah, corak yang digunakan dalam kajian ini hanya tertumpu pada corak *nature* seperti pokok kering dan burung.

Limitasi yang seterusnya dihadapi oleh pengkaji ialah kekangan masa. Tempoh masa yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini agak singkat, menyebabkan pengkaji menghadapi masalah dalam menyiapkan kajian ini pada masa yang telah ditetapkan.

1.7 HIPOTESIS

Di dalam kajian ini, pengkaji mengandaikan bahawa rekaan tekstil menggunakan teknik resis atau efek dari bahan semula jadi dengan cetakan ke atas fabrik tersebut berpotensi mendapatkan sambutan dalam pasaran.

1.8 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, pengkaji akan membuat kajian mengenai penggunaan bahan semula jadi yang berasid dan neutral untuk digunakan dalam industri batik. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan menggunakan beberapa cara untuk menyelesaikan permasalahan kajian yang telah dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Bagi menjalankan kajian ini pengkaji telah menyediakan beberapa objektif untuk mengenalpasti potensi bahan semula jadi yang berasid dan neutral sebagai pengganti bahan mencanting iaitu lilin parafin dalam industri tekstil. Pengkaji menggunakan bahan-bahan semula jadi kerana ianya lebih bersifat mesra alam dan mudah untuk didapati serta lokasi untuk menjalankan eksperimentasi ini sangat sesuai dan selesa. Limitasi masa juga penting dalam menyiapkan kajian ini.

Pengkaji berharap agar dengan menggunakan bahan semula jadi sebagai gantian bahan mencanting tidak memudaratkan kesihatan masyarakat kerana bahan yang digunakan adalah mesra alam. Selain itu, pengkaji berharap agar penggunaan bahan semula jadi yang berasid dan neutral mendapat sambutan yang menggalakkan dalam industri batik mahupun industri tekstil.

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 DEFINISI

2.0.1 Batik

Menurut Michael dan Wiendu (2000) perkataan batik wujud daripada kata ‘tik’ yang bermaksud ‘drop’ atau ‘titisan’. Dipercayai bahawa perkataan batik berasal dari negara Indonesia. Hal ini kerana, terdapat beberapa contoh penggunaan perkataan yang sinonim dengan kata ‘tik’ di Indonesia. Misalnya, teritik (teknik yang melibatkan jahit dan mengumpul kain untuk menentang pewarna), klitik (nama rekaan batik) dan nitik (corak batik yang meniru reka bentuk tenunan.)

Batik adalah teknik menahan pencelupan yang digunakan untuk menghias fabrik siap (Lee, 2007). Selain itu, batik juga merupakan satu kaedah pencelupan kain di mana bahagian-bahagian yang mempunyai lilin akan dibiarkan tidak berwarna. Keindahan batik dapat dilihat melalui tahap kesabaran, kreativiti dan penglibatan masyarakat industri kraf dalam pengeluaran tekstil hiasan (Micheal dan Wiendu, 2000).

2.0.2 Eksperimentasi

Menurut Ramamoorthy (2007) eksperimentasi adalah sejenis cara, kaedah serta gaya untuk melakukan ujikaji atau “*testing*” untuk mengetahui sesuatu keputusan dan ujikaji yang dilakukan adalah tidak dirancang dan keputusannya adalah tidak dijangka. Menurut Tensay (2006), eksperimentasi adalah mencuba sesuatu benda baru terutama sekali dalam mencari pengalaman dengan kaedah yang baru. Eksperimentasi yang dilakukan untuk memutuskan keabsahan sesuatu idea melalui latihan dan proses yang berterusan.

2.0.3 Cetakan

Menurut Latif (2007) yang dipetik dari buku Dialog Seni Tampak ditulis oleh Zakaria Ali menyatakan bahawa;

“cetakan adalah kesan daripada gubahan yang dihasilkan oleh seniman pada sekeping permukaan induk. Seniman memahat permukaan ini atau melukis di atasnya dan memproses lukisan ini secara kimia hingga reka bentuknya yang asal itu boleh dipindahkan dari permukaan ini ke atas kertas.”

2.1 PERMASALAHAN MENGGUNAKAN LILIN PARAFIN

Penggunaan lilin parafin dalam industri tekstil terutamanya batik telah lama dipraktikkan sejak dahulu lagi. Namun penggunaan lilin parafin mempunyai kesan sampingan kepada pekerja batik di mana ia dapat memudaratkan kesihatan mereka terutamanya gangguan fungsi paru-paru kerana terlalu lama terdedah dengan asap lilin tersebut. Hal ini kerana, asap tersebut mengandungi gas dan partikel yang boleh menimbulkan kemudaratan kesihatan kepada pekerja. Malah, asap tersebut juga didapati mempunyai kandungan akrolein, nitrit oksida, karbon monoksida, hidrogen sianida, hidrogen klorida, hidrogen sulfida, formaldehida dan gas iritan (Munthe, Suradi, Surjanto dan Yunus, 2014). Menurut Anon (2007), kos pembelian lilin parafin sangat tinggi kerana bahan ini perlu diimport dari luar negara seperti Amerika Syarikat.

2.2 KERANGKA KONSEP


Kerangka konsep adalah peta minda kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Melalui kerangka konsep ini ia memberikan petunjuk kepada pengkaji dan memberi kefahaman kepada pembaca. Oleh yang demikian, pengkaji akan menjadikan gambar rajah 2.2 dibawah sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini.

Selain itu, kerangka konsep ini merupakan panduan pengkaji dalam menjalankan kajian terhadap eksperimentasi teknik efek dengan cetakan pada fabrik dalam penghasilan produk tekstil. Proses pertama dalam kerangka konsep ini adalah mengenalpasti bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan efek atau resis pada fabrik adalah limau dan garam. Lain daripada itu, bahan seperti pewarna ramosal dan pelbagai jenis paste untuk cetakan juga digunakan dalam kajian ini.

Proses yang kedua adalah mengenalpasti teknik yang digunakan untuk menghasilkan efek pada fabrik yang telah diwarnakan dan teknik cetakan yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Proses ketiga dalam kerangka konsep ini adalah mengenalpasti jenis fabrik yang bersesuaian untuk digunakan dalam eksperimentasi ini. Terdapat dua jenis fabrik yang digunakan oleh pengkaji dalam eksperimen iaitu dari fabrik serat semula jadi dan sintetik fiber. Pengkaji memilih dua jenis fabrik ini kerana pengkaji ingin mengetahui potensi jenis kain yang terhasil daripada fabrik serat semula jadi dan sintetik fiber. Hal ini kerana, pengkaji ingin melihat fiber manakah yang memberi hasil eksperimen yang lebih baik namun pengkaji lebih banyak menggunakan fabrik yang terhasil daripada fabrik serat semula jadi dalam eksperimentasi ini.

Proses untuk menghasilkan rekaan fesyen merupakan proses terakhir dalam kajian ini. Rekaan fesyen yang dihasilkan adalah rekaan yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan lakaran yang telah dihasilkan.

Eksperimentasi Teknik Efek dengan Cetakan pada Fabrik dalam Penghasilan Produk Tekstil.



Rajah 1 : Kerangka Konsep Kajian

2.3 KESIMPULAN

Ringkasnya, bahan semula jadi yang bersifat neutral dan asid boleh menjadi elemen yang sangat baik dalam industri tekstil terutamanya batik. Tidak mustahil untuk menjadikan bahan semula jadi ini sebagai resis dalam batik jika pereka tekstil lebih mempraktikkannya dalam industri tekstil. Sehubungan dengan itu, bahan resis ini mempunyai keunikan dan kecantikan yang tersendiri melalui efek yang dihasilkan. Oleh itu, pengkaji akan menyatukan teknik efek dengan teknik cetakan dalam sehelai kain agar dapat diaplikasikan dalam industri batik dan penyatuaan ini akan diterangkan dalam bab seterusnya.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu data primer dan data sekunder. Penggunaan kaedah tersebut adalah bagi membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang tepat, jitu dan kukuh untuk kajian ini. Selain memberikan huraian tentang kaedah yang digunakan dalam kajian ini pengkaji juga akan menerangkan proses-proses yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam membuat eksperimentasi teknik efek dengan cetakan pada fabrik. Bagi mencapai objektif kajian, bab ini lebih menumpukan pada eksperimentasi terhadap jenis bahan dan fabrik.

3.1 METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, terdapat dua kaedah utama dalam kajian ini iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam menganalisis data. Penggunaan kaedah kualitatif adalah untuk menjawab persoalan, pengumpulan bukti dan mengemukakan hasil kajian berdasarkan pemerhatian terhadap eksperimentasi yang dijalankan. Selain daripada itu, penggunaan kaedah kuantitatif dalam kajian ini adalah untuk membantu pengkaji memenuhi objektif kajian serta menjawab permasalahan kajian berdasarkan pengedaran borang soal selidik.

Data yang diperolehi akan dibahagi kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data utama yang akan diperolehi daripada pemerhatian terhadap eksperimen yang dijalankan dan pengedaran borang soal selidik. Manakala, data sekunder boleh didapati melalui bahan bacaan seperti buku, jurnal, keratan akhbar dan laman

sesawang. Kaedah ini dapat menjadi garis panduan kepada pengkaji agar tidak tersasar dari landasan kajian yang dilakukan.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

3.2.1. Data Primer

Data primer merupakan data utama atau maklumat yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam menjalankan kajian mengenai bahan semula jadi yang dapat menghasilkan teknik resis atau efek. Pengkaji menggunakan kaedah data primer untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Bagi mendapatkan maklumat daripada responden, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian.

3.2.1.1 Soal Selidik

Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada responden. Borang soal selidik tersebut akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A (Demografi) yang melibatkan soalan mengenai jantina, umur, bidang pekerjaan dan status responden. Manakala, bahagian B (Soalan Umum) mengandungi soalan yang berkaitan dengan pengetahuan responden mengenai penggunaan efek dari bahan semula jadi. Bahagian C pula (Elemen dan Reka Bentuk) berkaitan dengan soalan yang merangkumi tahap kesukaan responden terhadap elemen reka bentuk yang dicadangkan. Bahagian D (Cadangan) merupakan soalan yang terakhir untuk responden memberikan pendapat atau komen mengenai kajian yang dijalankan. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik berbentuk skala *likert* ini kepada responden.

3.2.1.2 Eksperimen

Dalam mendapatkan hasil dapatan kajian, pengkaji telah melakukan eksperimen mengenai gabungan teknik efek dengan cetakan pada fabrik. Pemilihan bahan, teknik dan fabrik yang sesuai adalah tumpuan utama dalam eksperimen ini bagi menghasilkan efek dan corak yang diinginkan. Dalam eksperimen ini, pengkaji menggunakan 2 jenis bahan semula jadi yang berasid dan neutral iaitu limau dan garam. Bagi fabrik pula pengkaji menggunakan *cotton drill*, *cotton viscose*, *jacquard silk*, belacu, saluna dan satin. Hal ini kerana, penggunaan kain yang sesuai membolehkan pengkaji untuk mendapat kesan resis yang lebih ketara. Di samping itu, pengkaji menggunakan dua teknik dalam eksperimen ini iaitu teknik efek dan teknik cetakan.

3.2.1.3 Pemerhatian

Pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian bagi membantu dalam mendapatkan maklumat mengenai kajian yang akan dilakukan. Kaedah ini sangat penting kepada pengkaji kerana kaedah ini akan digunakan untuk membantu pengkaji menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai sifat-sifat sesuatu bahan yang sesuai digunakan dalam kajian ini.

3.2.1.4 Persampelan

Melalui eksperimen yang dijalankan maka terhasil kain sampel. Persampelan dilakukan atas tujuan untuk mengetahui potensi bahan dan fabrik yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada persampelan, ia akan memudahkan pengkaji untuk memilih bahan dan fabrik yang berpotensi untuk digunakan sehingga akhir kajian. Malah, kain sampel yang terhasil akan memudahkan pengkaji untuk memilih kain yang sesuai untuk dijadikan produk akhir.

Pengkaji akan membuat pemerhatian terhadap fabrik yang sesuai dalam menghasilkan efek dengan menggunakan bahan semula jadi yang berasid dan neutral serta keseluruhan eksperimen yang telah dilakukan.

Hasil pemerhatian daripada laman sesawang iaitu merujuk eksperimen yang berkaitan dengan kajian dijalankan oleh pengkaji. Melalui pemerhatian tersebut pengkaji mendapat pendedahan mengenai beberapa langkah yang dapat membantu dalam mengatasi permasalahan yang timbul. Selain itu, kaedah ini membuatkan pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sifat-sifat sesuatu bahan yang sesuai digunakan dalam menghasilkan efek pada fabrik.

3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data kedua yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang akan dijalankan. Maklumat yang diperolehi daripada penggunaan data sekunder akan dijadikan sebagai maklumat tambahan dalam kajian ini. Pengkaji akan menggunakan data sekunder dengan mencari dan mengumpul maklumat daripada bahan bacaan seperti jurnal tekstil, artikel, buku, laman sesawang dan

sebagainya. Hal ini kerana, maklumat yang diperolehi melalui pembacaan dapat membantu pengkaji untuk memahami kajian yang dijalankan.

3.2.2.1 Bahan Berjilid

Bagi mengetahui dengan lebih mendalam mengenai kajian yang akan dilakukan maka pengkaji melakukan proses pembacaan untuk tujuan pengumpulan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kategori bahan bacaan bagi buku dan jurnal yang dipilih oleh pengkaji adalah berbentuk tekstil, sains dan bahan bacaan mengenai bahan semula jadi. Melalui data yang telah dikumpul, ia dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan masalah, mengukuhkan maklumat kajian dan secara tidak langsung ia dapat menjadi maklumat sampingan.

3.2.2.2 Laman Sesawang


Melayari laman sesawang merupakan kaedah yang ter pantas dan meluas untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mengetahui perkembangan terkini mengenai trend fesyen dan warna. Malah, maklumat dan data yang terdapat di dalam laman sesawang lebih terkini dan pantas berbanding bahan bacaan. Walau bagaimanapun, kesahihan maklumat yang terkini merupakan kekangan bagi pengkaji kerana pengkaji kurang kepastian tentang kebenaran maklumat yang tersebar.

3.3 SASARAN KAJIAN

3.3.1 Responden

Pengkaji menjadikan pelajar tekstil dan fesyen dari UNIMAS serta orang awam sebagai responden. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengenalpasti potensi bahan semula jadi yang berasid dan neutral dalam industri batik dan teknik untuk menghasilkan efek pada fabrik menggunakan bahan semula jadi serta jenis fabrik yang bersesuaian.

Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden untuk memudahkan pengkaji mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan.



Rajah 2: Carta Aliran Metodologi

3.4 KESIMPULAN

Pendek kata, pengkaji menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penggunaan kaedah ini, memudahkan pengkaji dalam membuat data analisis yang tepat bagi kajian yang dijalankan. Kaedah kualitatif meliputi pemerhatian dan eksperimen manakala kaedah kuantitatif dilakukan berdasarkan borang soal selidik. Data yang diperolehi secara langsung akan menyelesaikan masalah dalam kajian dan melancarkan proses kajian. Berdasarkan metodologi yang digunakan ia sangat bersesuaian dalam kajian ini dan dapat membantu pengkaji mengumpul maklumat yang diperlukan bagi kajian ini.

BAB 4

HASIL DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai hasil data yang telah diperolehi melalui metodologi kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 3 iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kesemua data yang telah diperolehi akan dianalisis bagi menghasilkan reka bentuk produk akhir yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Hasil data yang telah dianalisis juga akan diterangkan lebih terperinci dalam bab ini mengikut kaedah-kaedah yang telah dinyatakan dalam Bab 3.

4.1 BORANG SOAL SELIDIK

Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dari responden melalui demografi, pengetahuan responden mengenai rekaan teknik efek dengan cetakan pada fabrik dalam penghasilan produk tekstil, jenis fabrik, warna yang digemari. Selain itu, rekaan akhir yang menjadi pilihan dan pandangan responden terhadap projek penyelidikan ini. Sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Sasaran responden pengkaji adalah dalam lingkungan 16 hingga 36 tahun ke atas.


4.1.1 Analisa Bahagian A (Demografi)

Berikut merupakan analisa data yang telah dikumpulkan bagi bahagian A. Terdapat 4 soalan pada bahagian demografi iaitu jantina, kumpulan umur, bidang pekerjaan dan status responden. Data ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang dan peribadi responden. Soalan pada bahagian ini menggunakan kaedah menanda (√) pada ruangan yang disediakan.

1. Peratusan responden mengikut jantina.

Jadual 1: Peratusan jantina responden.

Jantina	Peratusan (%)
Perempuan	78%
Lelaki	22%




Rajah 3: Carta peratusan jantina responden.

Carta pai di atas menunjukkan 78% daripada bilangan responden adalah perempuan yang mewakili sebanyak 39 orang. Manakala, 22% merupakan bilangan responden lelaki bersamaan dengan 11 orang. Dapat dilihat bahawa bilangan responden bagi perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki kerana kajian ini lebih menumpukan pada rekaan wanita namun pengkaji tidak mengabaikan pandangan daripada responden lelaki. (Rujuk Jadual 1 dan Rajah 3).

2. Peratusan responden mengikut kumpulan umur.

Jadual 2: Peratusan responden mengikut kumpulan umur

Kumpulan umur	Peratusan (%)
16 – 19 Tahun	6%
20 – 25 Tahun	92%
26 Tahun ke atas	2%



Rajah 4: Peratusan responden mengikut kumpulan umur

Rajah di atas menunjukkan peratusan responden mengikut kumpulan umur. Bagi kumpulan umur 16-19 tahun mewakili 6% bersamaan 3 responden daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala, kumpulan umur yang paling tinggi adalah dalam lingkungan 20-25 tahun yang mengumpul peratusan sebanyak 92% yang mewakili 46 responden. Bagi kumpulan umur 26 tahun ke atas mencatat sebanyak 2% bersamaan 1 responden sahaja daripada jumlah keseluruhan. Data menunjukkan bahawa kumpulan umur yang tertinggi adalah daripada golongan remaja yang mengikuti trend semasa dan meminat kajian yang menggunakan bahan semula jadi. (Rujuk Jadual 2 dan Rajah 4).